

Hari 30 | Orang Zikri Baluch dari Asia Selatan

Orang Zikri Baluch tertumpu di Wilayah Baluchistan di Pakistan. Terdapat lebih kurang 750,000 orang Zikri, dan kebanyakan mereka tinggal di Baluchistan. Sebilangan besar tinggal di sekitar Karachi dan di Iran. Kebanyakan orang Zikri merupakan nelayan, dan bekerja di sepanjang pinggir Laut Arab, namun ada juga yang terlibat dalam kegiatan pertanian, menganyam dan kraftangan yang lain.

Amalan agama orang-orang Zikri agak berbeza dari Islam biasa, dan berdasarkan ajaran Syed Mohammad Jaunpuri, seorang Islam Asia Selatan yang dianggap seperti Mesias (Mahdi). Ajarannya bermula sebagai suatu tindakbalas terhadap golongan elit Muslim yang mengejar kebendaan. Orang-orang Zikri melakukan solat lima kali sehari di mana ayat-ayat suci, yang berbeza daripada solat yang dilakukan oleh orang-orang Islam ortodoks, akan dibaca. Orang-orang Zikri menziarahi tempat suci mereka yang paling terkenal di Koh-e-Murad, berdekatan bandar Turbat di

Baluchistan, pada malam ke-27 bulan Ramadhan. Orang-orang Zikri dikatakan melakukan upacara-upacara seperti yang dilakukan apabila menunaikan Hajj semasa mereka menziarahi tempat suci ini.

Nama Zikri datangnye dari perkataan Arab dhikr (disebut “Zikr” di Asia Selatan) yang merujuk kepada kenangan, biasanya kepada Allah. Ini melambangkan gaya penyembahan Zikri, yang bertumpu kepada pembacaan pernyataan kepercayaan Islam. Mereka menghadapi

Hari 30 | Orang Zikri Baluch dari Asia Selatan

penganiayaan, terutamanya dari orang-orang Islam Sunnah, tetapi ini biasanya terjadi di tempat-tempat di mana mereka merupakan minoriti, ataupun apabila mereka dalam keadaan konflik dengan kumpulan-kumpulan bukan-Zikri.

Kerajaan Pakistan dan China telah terlibat dalam usaha memperkembangkan pelabuhan laut-dalam di bandar Gwadar, yang akan dihubungkan dengan Pakistan, China dan Asia Tengah melalui sistem jalanraya dan saluran paip. Lebih kurang

50% daripada jumlah penduduk Gwadar adalah orang Zikri. Jikalau perkembangan ekonomi yang diramalkan berdasarkan pelabuhan ini benar-benar berlaku, seluruh Baluchistan dan rantau ini akan melihat kesannya.

Baru-baru ini, dua orang nelayan Zikri telah mengatakan bahawa semasa mereka keluar menangkap ikan, Yesus telah muncul semasa mereka melalui ribut dan menyelamatkan mereka. Berdoalah agar ramai lagi nelayan-nelayan Zikri akan

menemui Yesus, dan menjadi penjala manusia yang benar!

Bahan-bahan Doa:

* Beberapa orang Zikri telah menjadi pengikut Yesus. Berdoalah agar orang-orang yang baru percaya ini akan bertumbuh dalam iman dan pemahaman tentang cara-cara Tuhan (1 Kor 13).

* Berdoalah juga bahawa orang-orang yang baru

Hari 30 | Orang Zikri Baluch dari Asia Selatan

percaya ini akan ceritakan tentang iman baru mereka itu kepada keluarga dan rakan-rakan mereka, agar seluruh keluarga dan saudara-mara mereka akan mengikut Yesus.

* Berdoalah agar pemimpin-pemimpin utama orang-orang Zikri akan mengenal Yesus melalui FirmanNya, kesaksian, filem-filem, mimpi, penglihatan, penyembuhan, dll., supaya pengikut-pengikut mereka akan turut serta menerima Kebenaran.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim